

OLAHRAGA KEBANGSAAN

PAHANG HADAPI MASALAH ANJUR



■ DATUK NAJIB...
diharap dapat
selesaikan masalah

PERSATUAN Olahraga Amatir Pahang (POAP) sedang menghadapi satu masalah rumit sama ada menerima atau tidak menjadi tuan rumah kepada kejohanan kebangsaan yang dijangka diadakan pada bulan Oktober ini.

Menurut seorang jurucakap POAP, memandangkan kejohanan itu adalah besar sudah tentu ia memerlukan perbelanjaan yang banyak.

Difahamkan sekurang-kurangnya \$200,000 diperlukan bagi menjayakan kejohanan tersebut.

Jurucakap itu berkata, usaha-usaha untuk mendapatkan bantuan kewangan dari kerajaan negeri sedang dibuat menerusi Yang Dipertuannya, Datuk Kamarulzaman bin Abdul Rahman, yang juga Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Bellau dijangka akan menemui Menteri Besar, Datuk Mohd Najib Tun Abdul Razak untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Dalam mesyuarat agung Kesatuan Olahraga Amatir Malaysia (KOAM) yang baru lalu, POAP telah diminta supaya menganjurkan kejohanan itu di antara 8 hingga 27 Oktober ini.

Setiausaha POAP, Enek K. Raman yang mewakili

**WAKIL POAP
AKAN TEMUI
MB PAHANG
UNTUK MOHON
BANTUAN
KEWANGAN**

persatuan itu ke mesyuarat tersebut bagaimanapun tidak dapat memberi kata putus memandangkan masalah kewangan yang dihadapi oleh POAP.

Satu ketetapan meminta Yang Dipertuannya menemui Menteri Besar bagi mendapatkan peruntukan yang diperlukan telah diambil di mesyuarat agung POAP pada penghujung minggu lalu.

Menurut jurucakap itu, POAP juga sedang berusaha meminta jasa baik dari Presiden KOAM, Tan Sri Ghazali Shafie untuk mengutarakan masalah mereka kepada Datuk Mohd Najib.

Bagaimanapun, perkara yang menjadi tanda tanya sekarang ialah sama ada kerajaan negeri mempunyai peruntukan yang cukup untuk diberikan kepada POAP memandangkan negeri darulmakmur akan turut menjadi tuan rumah kepada persidangan Majlis Raja-raja Melayu.

Satu lagi perkara yang memeningkan kepada ahli semua pihak terutamanya pihak POAP ialah kedua-dua temasya agung itu akan diadakan pada bulan Oktober.

Jurucakap itu berkata amatlah mendukacitakan jika POAP terpaksa melepaskan peluang menganjurkan kejohanan yang dianggap terbesar di negara ini.

Bellau berkata dengan adanya kejohanan tersebut sudah tentu lebih ramai lagi bakat-bakat muda akan tampil ke hadapan yang mana bukan sahaja dapat membantu menaikkan kembali prestasi negeri Pahang tetapi juga turut dapat menyumbangkan tenaga untuk terus mengharumkan nama negara di lapangan olahraga.

Jika POAP berhasil dalam usaha mereka untuk mendapatkan kewangan yang diperlukan, ini akan merupakan kali pertama sejak tahun 1973 negeri Pahang akan menganjurkan kejohanan olahraga kebangsaan itu. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negera Malaysia